

PENILAIAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA DARI PERSPEKTIF PELATIH: SATU KAJIAN KES

**(EVALUATION OF THE NATIONAL SERVICE TRAINING
PROGRAM FROM THE PERSPECTIVE OF A TRAINEE:
A CASE STUDY)**

Vishalache Balakrishnan

Department of Educational Foundations and Humanities,
Faculty of Education, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
visha@um.edu.my

Abstrak: Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Malaysia telah bermula pada tahun 2004 iaitu selepas dipersetujui di Parlimen Malaysia. Antara objektif program tersebut ialah meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, memupuk keharmonian kaum dan integrasi kebangsaan, membentuk perwatakan positif melalui nilai moral, menanam semangat kesukarelaan dan membentuk golongan muda yang aktif dari aspek fizikal, mental dan berkeyakinan diri. Kajian ini dijalankan untuk menilai program tersebut dari perspektif pelatih yang menghadiri PLKN sebelum, semasa dan selepas menghadiri program tersebut. Data daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan disebabkan oleh penggunaan kaedah kualitatif tetapi memberikan *insight* yang mendalam khasnya kepada masyarakat dan pihak yang terlibat dengan PLKN.

Kata kunci: Program Latihan Khidmat Negara, patriotisme, integrasi, nilai moral

Abstract: The National Service Training Program in Malaysia started in 2004 after the Malaysian Parliament agreed on the execution of the program. The objectives of the program are to increase the patriotism spirit among the younger generation, to instill racial harmony and national integrity, to form positive character through moral values, to develop volunteerism, and to create younger generation who are active physically, mentally and filled with self confidence. This research was undertaken to evaluate the program from the perspective of a national service trainee, before, during, and after attending the whole program. Results in the research cannot be generalised due to the qualitative nature of the research but provides a rich insight to society and all those involved in the program.

Keywords: National Service Training Program, patriotism, integration, moral values

PENGENALAN

Dalam Mesyuarat Kabinet pada 30 Oktober 2002, satu Jawatankuasa Kabinet Tentang Kerahan Kerja telah dibentuk. Tujuan jawatankuasa tersebut ialah mengkaji keperluan pelaksanaan kerahan kerja di Malaysia. Jawatankuasa

tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh tujuh orang menteri. Jawatankuasa tersebut telah mengubah istilah "Kerahan Tenaga" kepada istilah "Khidmat Negara" dalam mesyuarat pertamanya pada 12 November 2002. Empat buah jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk menyelaraskan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) iaitu Jawatankuasa Kurikulum, Jawatankuasa Undang-Undang, Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Logistik.

Kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti untuk menyertai program ini ialah remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang berumur 18 tahun. Dari aspek perundangan, Kabinet telah meluluskan pelaksanaan PLKN dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 pada 28 Mei 2003. Program ini mula dijalankan pada 16 Februari 2004. Objektif umum PLKN ialah menanam semangat patriotisme dalam kalangan remaja Malaysia, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif melalui nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Jabatan Latihan Khidmat Negara telah ditubuhkan untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai perlaksanaan PLKN sejajar dengan keputusan kabinet yang dinyatakan di atas. Jabatan Latihan Khidmat Negara telah mula beroperasi pada 15 Oktober 2003.

PLKN dijalankan selama tiga bulan, dan pelatih akan ditempatkan sama ada di asrama atau tempat perkhemahan. Pelatih kursus dipilih secara rawak menerusi Jabatan Pendaftaran Negara dan akan melalui empat modul latihan. Semua pelatih akan ditempatkan di kem-kem yang dibina khas untuk program ini di seluruh negara. Pelatih yang terpilih akan diberitahu secara rasmi melalui Notis Pemberitahuan Pelatih dan juga melalui iklan dalam akhbar-akhbar tempatan. Pelatih yang dibenarkan untuk menangguh kursus termasuk mereka yang menduduki peperiksaan utama, sedang meneruskan pengajian atau mereka yang menghidap penyakit luar biasa.

Sepanjang tempoh tiga bulan berkursus, pelatih akan melalui empat modul pembelajaran iaitu modul fizikal, modul kenegaraan, modul pembentukan watak positif dan modul khidmat masyarakat.

Modul Fizikal

Modul fizikal bertujuan untuk mengembangkan kemahiran dan kekuatan fizikal, mental, emosi dan rohani dalam kalangan peserta PLKN untuk membentuk warganegara yang efektif. Latihan-latihan yang dijalankan diharapkan dapat mengeratkan keharmonian dalam kalangan peserta dan meningkatkan kebolehan mental mereka dalam hal *survival*, kepimpinan, disiplin diri, keyakinan diri, semangat berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah serta membuat keputusan secara individu maupun secara berkumpulan. Pelatih juga diberikan

latihan melalui pembelajaran melalui pengalaman dalam aktiviti kawad kaki, membuat alatan dari hasil hutan, pertolongan cemas, membaca kompas, aktiviti arah, menyeberang sungai, menjaga keselamatan diri dan baru-baru ini diperkenalkan aktiviti menggunakan senjata api seperti senapang. Modul ini dijalankan selama empat minggu di kawasan perkhemahan.

Modul Kenegaraan

Modul kenegaraan merupakan modul yang dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan, semangat cintakan negara dan sanggup berkorban untuk negara dalam kalangan pelatih. Melalui aktiviti berkumpulan, jurulatih PLKN akan membantu pelatih untuk mempelajari dan mengetahui tentang kenegaraan. Pelatih diajar untuk mengenal pasti jati diri dan menghadapi cabaran global. Pelatih juga dipupuk dengan perasaan cinta dan taat kepada negara dan sanggup mempertahankan negara yang tercinta.

Modul pembinaan watak diimplementasikan untuk membentuk watak yang efektif di kalangan pelatih dalam diri mereka (*intrapersonal*) dan dalam keluarga, masyarakat dan negara (*interpersonal*). Terdapat dua komponen pengetahuan dan kemahiran yang dibekalkan kepada pelatih: (a) komponen perkembangan diri; (b) kewujudan individu lain di sekitar pelatih. Dalam komponen perkembangan diri, pelatih akan melalui proses memahami diri, menyedari dan mengenal pasti *characteristic* diri, meningkatkan perwatakan positif dan mengubah perwatakan negatif kepada yang lebih positif. Komponen kedua ialah melalui proses menyedari kewujudan individu lain dalam kehidupan mereka, memperoleh kemahiran untuk bekerja dalam pasukan, cara-cara bertindak sebagai pemimpin dalam kumpulan dan menyelesaikan masalah serta isu moral secara berpasukan.

Modul khidmat masyarakat terdiri daripada lima komponen utama iaitu keperluan asas dan prasarana, kejiranan, khidmat sosial, persekitaran, dan jabatan. Pelatih akan terlibat dalam aktiviti di sekitar lima komponen tersebut. Matlamat modul ini ialah untuk meningkatkan *volunteerism* dan *self efficacy* dalam kalangan pelatih. Pelatih juga dapat mengamalkan apa yang dipelajari semasa menghadiri Program PLKN.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kerajaan perlu mengimbas kembali tentang orientasi dan falsafah polisi yang dilaksanakan agar kekuatan remaja diambil kira daripada hanya memfokus ke arah masalah remaja (William T. Grant Foundation, 2001). Mengambil kira keperluan remaja di Malaysia yang sedang mengarah ke hala paradigma hedonistik, kerajaan Malaysia telah mengambil tanggungjawab untuk

melaksanakan program-program tertentu seperti Program Latihan Khidmat Negara yang membantu dalam visi dan misi negara untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan kemajuan negara dalam era sains dan teknologi. Penilaian sesuatu program perlu dijalankan secara holistik. Dalam erti kata lain, selain daripada menjalankan penilaian secara makro program tersebut juga perlu dinilai secara mikro. Dalam akhbar *the Star* bertarikh 2 Januari 2011, telah dilaporkan bahawa kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik daripada sebuah institusi pengajian tinggi tempatan ke atas 61,950 responden mendapati lebih 80% responden memberikan maklum balas yang positif terhadap komponen seperti semangat patriotisme, perpaduan kaum, semangat kesukarelaan, perwatakan positif dan pembentukan remaja yang cergas serta berkeyakinan.

Kajian ini berasaskan keinginan untuk mengetahui perspektif pelatih PLKN apabila dipanggil untuk menyertai PLKN. Reaksi masyarakat umum tentang PLKN adalah pelbagai dan sememangnya deskripsi dan pandangan pelatih yang menghadiri PLKN serta kesan kepada mereka boleh diambil kira sebagai satu perspektif penilaian apabila menilai PLKN secara menyeluruh.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokus terhadap seorang pelajar lepasan SPM yang telah dipilih untuk menyertai PLKN pada tahun 2007 dan merangkumi aspek kognitif, afektif dan emosi diri pelajar tersebut dari mula mendapat Notis Pemberitahuan Pelatih sehingga tiga tahun selepas menghadiri Latihan PLKN. Pelatih PLKN tersebut telah dikaji secara individu dan juga mereka yang berdampingan dengan pelatih tersebut; iaitu ibu bapa dan adik pelatih tersebut. Proses ini memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pelatih dan bukan hanya daripada perspektif diri sendiri. Kajian ini berlanjutan selama empat tahun di mana pelatih yang sama telah diminta memberi pandangan tentang kesan jangka panjang PLKN terhadap perkembangan dirinya dalam pelbagai aspek.

RELIABILITI/VALIDITI DALAM KAJIAN KES

Validiti dalam lapangan kuantitatif lebih berfokus kepada deskripsi dan penerangan sesuatu kajian dan sama ada penerangan memenuhi keperluan deskripsi (Denzin & Lincoln, 2003). Bagi penyelidikan kualitatif, deskripsi tentang individu, tempat dan peristiwa adalah aspek yang diutamakan (Denzin & Lincoln, 2003, p. 69). Dalam kajian ini, setiap aspek yang dinyatakan oleh responden juga dianalisa berdasarkan pandangan ibu bapa, adik-beradik dan rakan sebaya responden.

Validiti merujuk kepada menerangkan kebenaran tentang sesuatu, atau kepercayaan atau kesahan sesuatu pengetahuan (Whitehead & McNiff, 2006). Menurut Smith, Willms dan Johnson (1997, p. 241):

Many new or reworked terms have been suggested to determine the soundness or "authority" of a study, including self-critical, intensity, systematic, relevance, rigour, trustworthiness, transferability, dependability, confirm ability, logical inferences, credibility, thick-and-thin description, verisimilitude, triangulation, findings grounded in data, appropriate category structures, degree of research bias, and constant comparison.

Penerangan di atas adalah bergantung kepada jenis penyelidikan yang dijalankan. Dalam kajian penyelidik, seorang pelatih PLKN telah dipilih secara rawak untuk diperhati dan diminta memberi pendapat tentang pengalamannya selama tiga bulan dalam PLKN. Selepas tiga tahun pelajar tersebut menghadiri PLKN, sekali lagi beliau telah diminta untuk memberi pandangannya tentang kesan dan implikasi program PLKN ke atas dirinya. Walaupun dapatan dan penerangan daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasi, namun ia boleh dijadikan bahan perbincangan kerana ini merupakan satu kajian longitud dan semua penerangan merupakan pengalaman yang dialami oleh seorang pelatih PLKN.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan bersifat kualitatif di mana kajian kes individu adalah diutamakan. Kajian kes individu melibatkan analisa mendalam dan jangka panjang sesuatu fenomena atau seseorang individu dalam sesuatu organisasi (Elsbach, 2000). Dalam mula menggambarkan bagaimana kajian mula berkembang dan terbentuk (Lincoln & Guba, 1985), perlu juga menggambarkan bagaimana keadaan data yang dikumpul. Dengan menggunakan kajian kes sebagai teknik pengumpulan data, penyelidik mengumpul data menggunakan kaedah *triangulation* dan *crystallisation* (Richardson, 1994). Mills (2003) mengesyorkan integrasi *triangulation* dalam penyelidikan kualitatif tetapi penyelidik juga mencabar kajian ini dengan mengaplikasikan *crystallisation* yang disyorkan oleh Richardson (1994).

Konsep *crystallisation* yang dicadangkan oleh Richardson (1994) melihat pelbagai perspektif yang dihadapi dalam sesuatu keadaan seperti PLKN yang dihadapi oleh subjek dalam kajian kes yang dijalankan. Berdasarkan kajian, penyelidik telah menggunakan kaedah seperti menganalisa jurnal yang ditulis oleh subjek sebelum, semasa dan selepas menghadiri PLKN, temu bual bersama pelatih, ibu bapa, adik-beradik dan rakan sebaya. Penggunaan lebih daripada tiga

kaedah telah mengatasi kaedah *triangulation* dan membuka skop kepada kaedah *crystallisation*.

Temu bual diadakan secara informal dalam bentuk separa berstruktur. Temu bual boleh didefinisikan sebagai perbualan yang mengambil tempat dengan sesuatu matlamat atau tujuan (Berg, 2004). Definisi standard ini juga telah dinyatakan oleh Denzin (1978) dan Patton (1990). Denzin dan Lincoln (2003) telah mencadangkan agar temu bual yang diadakan sepatutnya lebih daripada alat mengumpul maklumat. Temu bual bersifat refleksif dan mengimbas kembali aspek perlakuan dalam kehidupan dan sains sosial. Temu bual telah dijalankan sepanjang kajian penyelidik dengan pelatih PLKN yang menjadi subjek penyelidik, ibu bapa pelatih di awal dan di akhir program PLKN dan seorang adik pelatih dan seorang rakan sebaya pelatih yang bersamanya sejak sekolah rendah sehingga sekarang. Penyelidik telah menggunakan temuduga separa struktur dalam kajiannya. Gillham (2000) menyatakan bahawa temuduga separa struktur merupakan teknik utama dalam kajian dunia sebenar (*real world*).

Catatan jurnal digunakan untuk merekodkan apa-apa idea atau pemikiran, pendapat, pengalaman, dilema, perancangan, masalah dan keraguan yang timbul berkaitan dengan sesuatu kajian. Dalam kajian yang dijalankan, pelatih PLKN yang dipilih menyimpan jurnal dalam bentuk catatan diari secara tidak berkala, bererti apabila ada sesuatu yang bermakna, tidak puas hati atau sesuatu yang menyedihkan, pelatih tersebut mencatatkan semua isi hatinya dalam diari tersebut. Selain itu, catatan jurnal digunakan untuk menyatakan cadangan untuk mengatasi sesuatu yang tidak betul dari perspektif pelatih PLKN tersebut. Ini amat penting dalam sesuatu program di mana maklum balas bukan hanya dalam bentuk borang penilaian yang disediakan khas oleh pihak pengangur, tetapi juga daripada pengalaman dan pemerhatian para peserta sesuatu program.

PERBINCANGAN

Sewaktu responden menerima tawaran untuk menghadiri latihan PLKN di salah satu kem PLKN di Semenanjung Malaysia, beliau begitu gembira kerana sebagai anak sulung yang tinggal dalam keluarga yang besar, beliau tidak pernah bersusah payah mengurus kerja rumah atau mempunyai tanggungjawab yang lain. Harapan beliau yang pertama ialah:

Sebelum saya pergi untuk latihan PLKN, harapan saya ialah berkenalan dengan ramai kawan yang lain, mengalami pengalaman baru yang tidak pernah saya alami sebelum ini dari segi latihan tentera dan sebagainya serta mengenali pelbagai budaya dan cara hidup pelatih PLKN yang lain.

Pada minggu pertama di kem PLKN, responden berasa kurang selesa disebabkan penyesuaian yang perlu dilakukan dalam kehidupan harian yang serba kekurangan. Oleh kerana responden berasal daripada keluarga yang agak berada, dia terpaksa menyesuaikan diri dengan cara hidup yang ala kadar di kem PLKN. Namun demikian, berdasarkan penulisan jurnalnya, dia telah belajar untuk berdikari, berani menghadapi cabaran, berdisiplin dalam mematuhi arahan fasilitator dan bersemangat kuat dari segi mental dan fizikal. Berikut adalah catatan responden selepas beberapa bulan menamatkan latihan PLKN.

Sebelum saya menghadiri PLKN, macam-macam imaginasi saya. Tetapi sekarang saya sedar yang latihan yang saya terima membolehkan saya berhadapan dan hidup dalam apa jua keadaan. Saya juga mengukuhkan disiplin diri dan belajar menerima arahan tanpa banyak bersoal. Mungkin aspek ini ada baik dan ada buruknya.

Perbincangan dengan ibu bapa dan adik responden mendapati penampilan responden sangat kemas walaupun sudah setahun menghadiri PLKN. Sebelum dia menghadiri PLKN, dia jarang mengemas bilik atau tempat lain di rumah. Namun selepas menamatkan PLKN, dia selalu memastikan biliknya kemas dan juga memastikan adik-beradiknya agar sentiasa mengemas bilik masing-masing. Berdasarkan pemerhatian, didapati bilik tidur dan ruang belajar responden juga bersih. Dalam temuduga terkini iaitu selepas tiga tahun menamatkan PLKN, berikut adalah sebahagian daripada perbualan dengan responden:

- | | |
|-------------|--|
| Penyelidik: | Sudah tiga tahun anda menghadiri PKLN. Ada tak apa-apa kesan jangka panjang sehingga sekarang? |
| Responden: | Memang ada. Yang paling ketara ialah kebersihan. Saya tak tahan tengok keadaan kotor atau kurang kemas. |
| Penyelidik: | Apa yang akan anda buat? |
| Responden: | Saya akan kemaskan sekiranya bilik atau ruang tamu atau tempat saya belajar. Kalau tempat yang lain, saya akan tegur adik dan meminta mereka mengemaskan tempat yang berselerak. |

Apabila isu kebersihan responden diajukan kepada ahli keluarganya, maklum balas mereka adalah seperti berikut:

Sejak balik dari PLKN, kakak selalu menjaga kebersihan biliknya dan juga memastikan kami juga bersihkan bilik kami. Kadang kala boring [bosan] juga dengan sikap kakak tapi ibu ayah gembira sebab rumah sentiasa kemas sekarang.

(Adik responden)

Saya nampak banyak perubahan dalam anak saya sejak dia menghadiri PLKN. Yang paling ketara ialah penjagaan kebersihan diri dan persekitaran. Selain itu anak saya juga lebih berdikari. Bagus kalau semua anak dapat hadir PLKN. Tahun ini anak bongsu saya juga telah dipilih untuk menghadiri PLKN.

(Ibu responden)

Dari segi aktiviti-aktiviti yang dijalankan, responden sangat berpuas hati dengan persediaan dan pengurusan aktiviti harian. Menurutnya:

Aktiviti yang dijalankan memberi saya kesedaran untuk mengapresiasi apa yang saya miliki. Misalnya di rumah, saya tak pernah mensyukuri apa yang saya miliki dan mengambil mudah tentang sesuatu perkara. Program PLKN telah memberi saya pengajaran dan menyedarkan saya tentang kepentingan mengapresiasi apa yang saya miliki. Aktiviti yang dijalankan mengajar saya maksud tanggungjawab. Misalnya membuat pembentangan dalam aktiviti berkumpulan. Saya juga mempelajari tanggungjawab dalam menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan dalam masa yang ditentukan dan mempunyai keyakinan diri apabila membuat pembentangan dalam bilik darjah.

Responden juga sangat berpuas hati dalam penyelenggaraan program dan modul-modul yang ditetapkan di dalam atau di luar kawasan perkhemahan. Fasilitator didapati sangat efisien dan bersedia membantu pelatih sekiranya mereka menghadapi masalah dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan.

Ada beberapa perkara yang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam pengalaman responden. Antaranya ialah pandangannya tentang tidak ada keadilan di kalangan pelatih. Menurut responden:

Fasilitator sangat baik tetapi ada situasi yang menyebabkan saya berasa tidak puas hati. Misalnya ada satu hari kumpulan pelatih satu kaum tertentu tidak dibenarkan membuat persembahan pada

"malam terakhir". Saya tidak terlibat dengan persembahan tetapi saya boleh merasakan diskriminasi yang berlaku. Saya berasa kesian untuk pelatih kaum tersebut yang telah berlatih bersungguh-sungguh selama dua minggu walaupun mempunyai jadual harian yang sangat padat. Mereka hanya diberitahu tentang keputusan yang acara mereka tidak boleh dipersembahkan sehari sebelum "malam terakhir". Saya berasa sedih sebab semua kaum lain diberi peluang untuk membuat persembahan tetapi lagu pelatih kaum tersebut dianggap terlalu kuat dan tidak sesuai. Sepatutnya perkara ini diselesaikan awal-awal lagi. Jadi pada "malam terakhir" yang sepatutnya malam muhibbah, tidak ada kebudayaan satu kaum tertentu.

Satu lagi kelemahan yang dinyatakan oleh responden dalam jurnal mahupun temu duga yang dijalankan ialah pelatih yang menghadiri PLKN agak *racist*. Itu satu pengalaman kurang selesa yang telah dialami sepanjang latihan responden. Menurutnya:

Pelatih sangat *racist*. Mereka sentiasa mendiskriminasikan saya, contohnya *name calling*. Saya telah dipilih sebagai ketua keceriaan untuk dorm saya tapi tidak berfungsi sebab saya tidak dapat memberikan pandangan saya. Saya satu-satunya pelatih kaum *** dan saya selalu terasa sunyi sebab tidak dapat bergaul dengan pelatih dorm yang lain. Saya selalu dipaksa menurut perintah ketua dorm saya.

Masalah yang disuarakan oleh responden boleh dikaji daripada pelbagai perspektif. Oleh kerana pelatih PLKN datang daripada pelbagai latar belakang, kemahiran mereka berinteraksi dengan masyarakat pelbagai kaum juga berbeza. Namun apa yang jelas adalah fasilitator faham akan kepentingan semangat muhibbah dalam kalangan pelatih seperti yang dinyatakan sebelum ini, tetapi pelatih juga perlu didedahkan kepada aktiviti-aktiviti yang memupuk semangat muhibbah dalam kalangan mereka.

Responden memberikan cadangan untuk meningkatkan kualiti PLKN dari perseptifnya. Misalnya:

Saya berharap pihak PLKN akan meningkatkan keadaan tempat tinggal di kem PLKN. Tandas yang paling teruk. Mereka juga perlu pastikan pelatih tidak didiskriminasi mengikut kaum. Sekiranya semua pelatih faham-memahami antara satu sama lain, aktiviti yang dijalankan akan lebih menarik. Mereka juga perlu memastikan hanya bahasa Melayu atau bahasa Inggeris

digunakan di sepanjang latihan agar komunikasi lebih bererti dalam kalangan pelatih dan mengelakkan prasangka atau salah faham yang boleh membawa kepada masalah perkauman.

Apabila disoal tentang aspek positif dan negatif PLKN, responden bersetuju bahawa program tersebut membantu individu yang berdisiplin dan berperwatakan baik. Tetapi menurutnya, masalah diskriminasi kaum dalam kalangan pelatih sangat menonjol dan tindakan perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Selepas genap tiga tahun menghadiri PLKN, responden yang sama telah ditemubual dan beliau masih ingat dengan jelas tarikh menghadiri PLKN serta mengatakan program tersebut membantunya sehingga kini.

Program PLKN membantu saya menjadi individu yang kuat dari aspek fizikal dan emosi. Saya bersyukur dengan kehidupan saya ini dan saya juga agak berdikari sekarang. Saya lebih berdisiplin dan faham maksud *survival*. Sekarang saya boleh hidup dalam apa juga keadaan dan mementingkan kebersihan dan kekemasan diri. Saya juga cuba memahami kaum lain dengan lebih mendalam, khasnya dari segi budaya dan cara hidup mereka. Saya rasa, saya seorang rakyat Malaysia yang agak patriotik.

Apabila disoal tentang apa yang telah dipelajari dalam PLKN tiga tahun yang lepas, masih banyak aktiviti yang segar dalam fikiran responden.

Saya masih ingat kebanyakan aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan dan bagaimana sebagai satu kumpulan, kami berjaya menyelesaikan masalah yang pada mulanya kami fikir sangat rumit. Misalnya aktiviti drama, lakonan dan tarian yang kami jayakan dengan semangat tinggi dan semangat berpasukan. Program Wira Jaya juga menjadi kegemaran saya sebab di tengah hutan kami membina khemah kami sendiri. Kami menceriakan khemah kami dan mengkaji hutan yang begitu indah sekali dengan kumpulan kami. Saya juga seronok menggunakan senapang M16 dalam sesi belajar menembak. Selain itu aktiviti khidmat masyarakat juga sangat bererti untuk saya sebab kami mengecat taman permainan kanak-kanak dan menanam pokok untuk menceriakan taman tersebut.

Secara keseluruhannya, apabila ditanya tentang PLKN, responden berkata sekiranya diberikan peluang, beliau akan menghadiri program sebegini lagi.

Saya telah mempelajari nilai kehidupan dalam PLKN. Saya mendapati tidak ada sebarang perkara yang tidak boleh dilakukan dan sekiranya ada keinginan dan matlamat yang kuat, semua yang susah akan menjadi mudah. Saya belajar menghargai orang lain dan diri sendiri. Saya telah melalui kesukaran hidup dalam keadaan serba kekurangan [semasa menghadiri PLKN] dan semua ini memotivasi saya supaya hidup dengan bermatlamat. Saya menyokong PLKN walaupun ada beberapa isu yang boleh diperbaiki khasnya isu diskriminasi kaum tetapi secara menyeluruh PLKN merupakan program ideal untuk membentuk warganegara yang baik.

KESIMPULAN

Beberapa kesimpulan boleh dibuat berdasarkan kajian longitud yang telah dijalankan. Pertama, dari perspektif pelatih, PLKN ialah satu program yang ideal dan membantu dalam membina perwatakan seseorang remaja untuk menjadi warganegara yang baik. PLKN juga didapati memberi nilai-nilai dalaman yang positif kepada pelatih seperti disiplin diri, mematuhi masa, berdikari dan mengapresiasi kehidupan. Kedua, dari aspek kemasyarakatan, PLKN membantu membentuk individu yang mempunyai semangat berpasukan, menghargai orang lain dan menjaga keceriaan dan kebersihan alam sekitar.

Berdasarkan temu bual dengan responden, aspek negatif PLKN yang perlu diberikan penambahbaikan ialah diskriminasi kaum. Masalah ini boleh diatasi sekiranya lebih aktiviti bersifat muhibbah dijalankan. Fasilitator yang dilatih boleh membantu mengatasi masalah ini, di mana mereka sebagai orang tengah boleh membantu apabila isu perkauman wujud dalam kalangan pelatih. Penggunaan bahasa standard yang difahami umum perlu ditegaskan agar tidak wujud ketidakselesaan dan tidak timbul perasaan syak wasangka di antara pelatih.

Secara keseluruhannya, pelatih, ibu bapa dan adik pelatih berpendapat bahawa PLKN membawa kebaikan kepada mereka yang menghadirinya. Walau bagaimanapun, semua kelemahan yang dibincangkan perlu dikaji dan diambil tindakan. Sebagaimana yang dinyatakan di awal penyelidikan, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisaskan dan lebih banyak kajian dari perspektif pelatih pelbagai budaya perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang PLKN.

RUJUKAN

- Berg, B. L. (2004). *Qualitative research methods for the social sciences* (5th ed.). Boston: Pearson.
- Denzin, N. K. (1978). *Interpretive interactionism*. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2003). *Strategies of qualitative inquiry*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Elsbach, K. D. (2000). Six stories of research experience in organizational studies. In S. D. Moch, & M. F. Gates (Eds.), *The researcher experience in qualitative research* (pp. 54–74). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Gillham, B. (2000). *The research interview*. London: Continuum International Publishing Group.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage Publication.
- Mills, G. E. (2003). *Action research: a guide for the teacher researcher* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Richardson, L. (1994). Writing: A method of inquiry. In N. K. Denzin, & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of qualitative research* (pp. 516–529). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Smith, S. E., Willms, D. G., & Johnson, N. A. (1997). *Nurtured by knowledge: Learning to do participatory action-research*. New York: The Apex Press.
- Whitehead, J., & McNiff, J. (2006). *Action research living theory*. London: Sage Publications.
- William T. Grant Foundation (2001). [Electronic Version]. Retrieved 22 November 2007, from <http://www.wtgrantfoundation.org/newsletter3039/newsletter>